

PUTIK

(PERSPEKTIF)

*Penyunting • Chong Fah Hing*

# PUTIK

Himpunan Karya Persatuan Penterjemahan  
dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF)

*Penyunting*  
*Chong Fah Hing*

# Keghairahan Pengajian Bahasa Melayu di Kampus Nantah'

*Yang Quee Yee*

---

## 1. Pembuka Kata

1.1. SEMASA mengambil ketetapan untuk menghadiri serta membentangkan sebuah kertas kerja yang berkaitan dengan bahasa Melayu dalam Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu<sup>2</sup>, anjuran Unit Bahasa dan Kebudayaan Melayu Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang (UTN)<sup>3</sup>, perasaan saya meluap-luap atau mengelombang pesat buat beberapa ketika, kerana tema pembicaraan persidangan itu menyebabkan penulis mengenangkan kembali beberapa peristiwa yang bukan hanya terwujud di lingkungan kampus Nantah, malah keghairahan kegiatan yang bersangkutan itu kerap pula terlanjur ke kampus Universiti Malaya (UM) yang bertapak di Singapura di masa itu.

1.2. UM didirikan lebih awal daripada Nantah, namun semenjak institusi yang kebelakangan itu dibuka secara rasmi pada tahun 1956,



mahasiswa-mahasiswa di antara kedua-dua universiti tersebut kerap kali mengadakan pertemuan atau penginteraksian baik di tapak UM, ataupun lebih kerap di kampus Nantah, untuk membahaskan masalah-masalah seperti bagaimana meluaskan bidang pembelajaran dan penggunaan bahasa Melayu di masyarakat umum, lebih penting ialah berikhtiar mempersiapkan diri untuk menyambutnya sebagai bahasa kebangsaan pada ketika negara kita menjelang kemerdekaannya.

1.3. Dalam impresi orang ramai, nescaya banyak hanya mendapat gambaran bahawa Nantah didirikan oleh masyarakat Cina, akan tetapi daripadanya banyak tidak menyedari apa peranan dan sumbangan telah dibuat oleh institusi pendidikan tinggi itu terhadap bahasa-bahasa selain daripada bahasa Mandarin. Oleh itu, semasa kita berkumpul membahaskan pokok masalah yang berkaitan dengan bahasa, sastera dan budaya Melayu untuk mencari kesinambungan buat masa depan seperti yang dinyatakan oleh pihak penganjur dalam media massa setempat<sup>4</sup> sebelum ini, penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk menyorot kembali dari segi akademik tentang peristiwa-peristiwa yang benar-benar berlaku di sebuah kampus yang telah dihapuskan oleh pihak yang berkuasa dan kini diganti dengan sebutan kampus UTM, di mana penulis sendiri pernah mengambil didikan dan turut mempraktikkan pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu dalam banyak lingkungan. Semoga peristiwa yang terlepas itu bernilai juga dijadikan salah sebahagian sumber rujukannya untuk kerja kesinambungan yang hendak diusahakan hari ini.

## 2. Proses Pembelajaran dan Pengajaran

Walaupun peristiwanya telah lama berlalu, namun sebagai siswazah Nantah, dan pernah juga berjawatan sebagai pensyarah bahasa Melayu buat beberapa tahun di kampus yang sama pada kemudiannya, penulis tidak akan melupakan beberapa banyak peristiwa yang berkaitan

dengan bahasa Melayu yang pernah diselenggarakan atau dilancarkan atas kesedaran rasional di kampus yang serba baru pada masa itu seperti berikut:

2.1. Kelas pra-mata kuliah: Nantah dibuka rasminya pada bulan Mac 1956. Justeru, pada peringkat permulaan, pihak universiti belum sempat menyelenggarakan kursus bahasa Melayu dalam tata kuliah rasminya. Kelowongan pengajaran itu sebenarnya tidak dapat memuaskan cita-cita dan keghairahan pembelajaran mahasiswa yang amat sangat dalam semasa. Maka di samping mendesak pihak universiti, supaya mengambil keprihatinan yang sewajar terhadap mata kuliah yang dianggap penting untuk menyelaraskan diri dengan proses perkembangan bahasa dalam negeri, secara proaktif, Panitia Persiapan Persatuan Mahasiswa (PPPM)<sup>5</sup> pun mengambil tindakan inisiatif menyediakan beberapa Kelas Bahasa Melayu di sebelah malam sebagai usaha untuk mendorong serta memuaskan kehausan pembelajaran yang diperlihatkan oleh rakan-rakan seuniversiti.

Tenaga-tenaga pengajar yang bertugas dalam kelas-kelas berkenaan diambil sahaja daripada rakan-rakan sendiri, kerana kebetulan di antara mahasiswa yang ramai itu, terdapat beberapa orang yang mahir dalam bahasa Melayu<sup>6</sup>. Ilmu bahasa mereka itu dikuasai sebelum masuk belajar di Nantah. Tambahan pula, pada masa itu bahan pengajaran bahasa Melayu untuk orang dewasa yang sedia ada di pasaran terbitan terlalu kurang, malah boleh dikatakan hampir sama sekali tidak ada, jadi para petugas itu terpaksa harus menyusunnya menurut kebijakan dan keterampilan masing-masing.

Masa itu, pendaftaran mahasiswa Nantah berjumlah kira-kira 580 orang, sedangkan mereka yang turut mengambil bahagian dalam kelas

mendidik diri itu melebihi 200 orang, hampir mencapai nisbah 50% dari jumlah pendaftarannya.

2.2. Tata kuliah rasmi dan para pensyarahnya: Pada tahun berikutan, iaitu tahun 1957, seperti yang dinanti-nantikan oleh para mahasiswa, pihak universiti telah menyelenggarakan mata kuliah bahasa Melayu secara rasmi. Pensyarah pertama yang diundang dan ditugaskan untuk membimbing mata kuliah itu bernama Encik M. Rashid Manan<sup>7</sup>. Beliau memainkan peranan persis seperti seorang pelakon tunggal buat pengajaan baru itu. Namun mahasiswa yang turut memilih kuliah bimbingannya agak ramai. Mujurlah masa itu Nantah baharu memasuki tahun kuliah yang kedua, bilangan mahasiswanya pun tidak begitu ramai, hanya ada seribu orang lebih. Tambahan pula, kuliah itu ada yang disampaikan dengan cara kelas besar yang dapat memuatkan berpuluh-puluh orang dalam satu kelas. Jika bukan demikian, maka tentu boleh dibayangkan bagaimana sukarnya seorang pensyarah untuk menghadapi keperluan yang mendesak.

Seterusnya pada tahun 1958, keadaannya dibawa maju selangkah lagi. Maka untuk mencapai hasil pengajaran yang lebih berkesan, seorang lagi pensyarah bahasa Melayu telah diambil, beliau ialah Drs. Li Chuan Shou<sup>8</sup>, juga berasal dari Indonesia.

Justeru itu, mahasiswa yang memilih mata kuliah itu kelihatan bertambah setahun demi setahun, lebih-lebih pada masa menjelang perkembangan Gagasan Malaysia. Sehingga tahun 1962, seorang lagi pensyarah telah diambil, beliau ialah Encik Yang Quee Yee<sup>9</sup>.

Ketiga-tiga pensyarah seperti yang diperkenalkan di atas ini bertugas sepenuh masa. Di samping itu, untuk menghadapi penyertaan mahasiswa yang bertambah-tambah, beberapa orang pensyarah sambilan

pun diambil serentak, mereka itu terdiri daripada guru-guru sekolah Melayu setempat, antaranya terdapat penyair yang terkenal Cikgu Masuri bin Salikun, guru bahasa Melayu yang veteran Cikgu Ehsan bin Hj. Ali dan lain-lainnya.

Mata kuliah yang disediakan itu terdiri daripada 2 tahun, iaitu Bahasa Melayu I dan Bahasa Melayu II. Persediaan pengajaran itu dilanjutkan buat beberapa tahun. Namun, jelaslah kuliah yang hanya berupa kursus pilihan itu pasti tidak dapat memenuhi hasrat pembelajaran mahasiswa yang amat sangat.

2.3. Mencari jalan keluar untuk mendalami ilmu bahasa Melayu yang lebih tuntas: Umum mengetahui, bahawa pada pertengahan tahun 50-an, keadaan pengajaran bahasa Melayu dalam negeri dari semua aspek tidak semaju seperti sekarang. Masalah pembinaan sekolah menengah Melayu terdapat masih dalam proses bertolak ansur dengan kaum penjajah. Maka dari mana datangnya kesempatan untuk anak-anak dalam negeri, lebih-lebih kesempatan untuk pelajar-pelajar yang berasal dari aliran sekolah Cina, supaya boleh menyusuri jalan rasmi melalui saluran pendidikan Melayu untuk menguasai ilmu bahasa Melayu dengan seperlunya? Sekalipun pada masa itu, UM mempunyai Jabatan Pengajian Melayu, namun peluang untuk anak-anak Melayu masuk belajar di bidang pengajian tinggi itu sungguh terbatas, mana ada lowongan lagi untuk menampung pelajar-pelajar yang berasal dari sekolah Cina, termasuk tamatan Nantah. Oleh sebab itu, sampai tahun 60-an, sebahagian siswazah Nantah pun berikhtiar mengalihkan matlamat studi bahasa dan sastera Melayu ke luar negeri, terutamanya ke Indonesia, ada juga sebilangan kecil menjelajah jauh sampai ke negeri Belanda.

Menurut data-data yang diperolehi, mereka yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri itu terdiri daripada dua kelompok:



2.3.1. Kelompok yang pertama belajar atas anugerahan biasiswa: Biasiswa-biasiswa yang diberikan itu terdiri daripada biasiswa pemerintah Indonesia, biasiswa karyawan Han Suyin dan biasiswa pemerintah Belanda. Setahu penulis, bahawa siswazah yang mencapai biasiswa kategori yang pertama ini, lalu masuk belajar di Jurusan Bahasa dan Kesusasteraan Indonesia, Fakultas Sastera UI di Jakarta ada 2 orang, mereka itu ialah Liaw Yock Fang dan Tan Ta Sen. Sedangkan yang mencari tapak pengajian ke Belanda juga ada 2 orang, mereka itu ialah Chong Yock Sin dan Liaw Yock Fang. Antaranya Chong memenangi biasiswa Han Suyin, lalu masuk belajar di Universitas Leiden sehingga mencapai gelaran Drs., Liaw memperoleh biasiswa pemerintah Belanda untuk membuat kajian lanjutannya di universitas yang sama sehingga mencapai gelaran Ph. D., sebelum itu beliau telah mencapai gelaran Drs. dari UI.

2.3.2. Kelompok yang kedua belajar atas ongkos sendiri: Bilangan kelompok ini lebih ramai daripada yang tadi. Mereka itu ialah Yang Quee Yee, Tan Teo Sen dan Chee Cheng Keong. Sama seperti rakan-rakan tadi, ketiga-tiganya juga masuk belajar di Jurusan Bahasa dan Kesusasteraan Indonesia di UI. Seorang lagi yang bernama Liauw Kian Djoe atau dikenali sebagai Leo Suryadinata (kini bergelaran Dr.) yang berasal dari Indonesia juga masuk belajar di Fakultas Sastera UI setelah mencapai kualifikasi pertamanya di Nantah, tetapi beliau melanjutkan kajiannya di Jurusan Sejarah buat kali ini. Seorang wanita lagi yang dikenali sebagai Hong Seyu Luan, beliau melanjutkan pengajiannya di IKIP<sup>10</sup> Palembang di Sumatra setelah menyelesaikan pengajiannya di Jurusan Bahasa Melayu di Nantah. Di samping itu, khabarnya masih ada beberapa orang tamatan Nantah pernah melanjutkan pelajaran mereka di universitas lain di Indonesia, namun kerana kekurangan data-data yang

pasti, maka dengan kesalnya nama-nama mereka tidak sempat dicatat bersama dalam isi laporan ini.

Arus menuntut ilmu bahasa Melayu beramai-ramai ke luar negeri seperti yang diperkenalkan di atas ini hanya terdapat di antara tahun 60-an hingga 70-an. Selepas itu, senasib dengan kemerosotan suasana pembelajaran bahasa Melayu masyarakat umum dan tindakan campur tangan pihak yang berkuasa dalam pelbagai urusan pengajaran Nantah, lalu suasana pembelajaran yang menggalakkan tadi itu pun semakin terpelosot sehingga kajian akademiknya bukan sahaja tidak diperkembangkan dengan sepatutnya, melainkan sebuah institusi pengajian tinggi yang dibangun dengan susah payah itu pun dihapuskan dengan begitu sahaja.

2.4. Jurusan Bahasa Melayu Yang Bernyawa Pendek: Jurusan Bahasa Melayu Nantah pernah dianjurkan secara rasmi dalam tahun 1968. Akan tetapi kewujudannya menghadapi jalan buntu setelah diselenggarakan selama 7 tahun. Walau bagaimanapun, menerusi bidang pengajaran yang praktis itu, sebilangan mahasiswa yang terdiri daripada keturunan Cina dan Melayu telah berjaya dididik. Tamatan itu kini berkhidmat di pelbagai bidang, antaranya ada yang berjawatan sebagai pensyarah bahasa Melayu di maktab-maktab ataupun menjadi guru-guru di sekolah menengah di Malaysia dan Singapura, ada juga memainkan peranannya sebagai pemberita di akhbar-akhbar Melayu atau Cina dan sebagainya.

Melihat latar belakang kelayakan pendidikan dan hasil pengajian akademik para pengajar yang pernah bertugas di Jurusan yang berkenaan di Nantah itu, antaranya terdapat beberapa orang sarjana Indonesia yang terkemuka:



2.4.1. Prof. Tjan Tjoe Siem (Allahyarham), Ph. D. (Leiden), mantan Dekan<sup>11</sup> Fakultas Sastra UI. Berjawatan sebagai Ketua Jurusan di Nantah.

2.4.2. Prof. Slametmuljana (Allahyarham), Ph. D. (Louvain), mantan Ketua Jurusan Sejarah UI. Sebelum diundang berkuliah di Nantah, beliau pernah berjawatan sebagai Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura<sup>12</sup>.

2.4.3. Prof. Madya Sidharta (Sie Ing Djiang), M. A. (Indonesia), mantan dosen Jurusan Sinologi UI.

Ketiga-tiga sarjana itu semuanya berasal dari Indonesia. Di samping itu, terdapat juga dua orang pensyarah warga setempat, mereka itu ialah Drs. Liaw Yock Fang (kini bergelaran Dr.) dan Drs. Tan Ta Sen seperti yang telah diperkenalkan dalam fasal 2.3.1. di atas.

Menurut kelayakan dan pengalaman yang dimiliki masing-masing, tidak syak lagi bahawa susunan para pengajar di Jurusan Bahasa Melayu di Nantah itu memang cukup besar dan tuntas. Namun jika ditilik dari hasil pengajian dan kegiatan yang diperlihatkan oleh mahasiswanya, maka selain daripada ijazah yang berkategori bahasa Melayu seperti yang dicapai oleh setiap tamatan dari hasil pembelajaran di kampus itu, nampaknya tidak ada hasil kajian yang saksama umpamanya terbitan buku-buku, buletin atau majalah yang berkaitan dengan bahasa Melayu pernah ditulis atau dikelolakan.

Sebaliknya, jika diperbandingkan dengan hasil usaha yang dipertunjukkan oleh rakan-rakan seuniversiti sebelum mereka itu, kendatipun di bawah keadaan dan syarat pengajaran yang serba kurang,

namun seolah-olah mereka lebih rancak dan membuat banyak hasil yang mengagumkan.

### 3. Sumbangan Yang Cemerlang

3.1. Aktiviti yang pertama di luar kampus: Pada ketika tahun kuliah baru dibina, semasa mahasiswa Nantah belum sempat menikmati kuliah bahasa Melayu yang saksama di kampus yang terbina itu, berlangsunglah Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III<sup>13</sup>. Dalam perkara perkembangan bahasa Melayu yang bersejarah itu, tiga orang mahasiswa yang mahir dalam ilmu bahasa Melayu seperti yang diperkenalkan dalam fasal 2.1. tadi telah mendapat jemputan untuk menghadiri bersama sebagai wakil PPPM Nantah, antaranya termasuk penulis sendiri. Dan kampus UM yang kini dikenali sebagai kampus Institut Pendidikan Nasional (NIE) UTN telah dijadikan tapak Kongres yang utama, hanya acara pembukaan rasminya diatangkan berlangsung di Johor Baharu.

Maklumlah, mulai dari tahun 1952, Kongres Bahasa Melayu yang seumpama pernah dilancarkan sebanyak tiga kali<sup>14</sup>, namun kononnya inilah julung kali keturunan Cina sempat dijemput untuk turut bersama, dan mahasiswa Nantah telah diberi penghormatan untuk menjunjung tugas yang dianggap penting semasa negara kita menjelang kemerdekaannya.

3.2. Usaha terjemah-menterjemah: Menurut data-data yang diperolehi, usaha menterjemahkan karya-karya sastera Melayu ke dalam bahasa Cina memang telah lama dilaksanakan di masyarakat Cina<sup>15</sup>. Akan tetapi, sebelum ini lingkungan isi terjemahan kebanyakannya ditumpukan pada sastera Melayu klasik seperti pantun dan peribahasa, terjemahan cerpen Melayu moden tidak banyak kelihatan di masa itu, hanya satu dua buah sahaja terdapat dalam siaran majalah *Bawah Angin*<sup>16</sup> keluaran tahun

40-an. Sedangkan semenjak terbinanya kampus Nantah pada tahun 50-an, mahasiswanya di samping mengambil tindakan yang tegas untuk melanjutkan apa yang telah dibuat oleh generasi lama sebagai usaha kesinambungannya, mereka pun berusaha meluaskan karya itu ke lingkungan sastera Melayu moden seperti sajak, cerpen dan novel. Hasil yang diperbuat itu ada yang disiarkan dalam pelbagai terbitan kampus, ada pula yang disumbangkan kepada akhbar-akhbar dan majalah-majalah Cina terbitan setempat, atau langsung diterbitkan dalam bentuk buku yang tersendiri.

Di antara hasil yang tercapai itu, cerpen "Langit Tidak Berbintang", karya Said<sup>17</sup> yang dipetik dari akhbar *Utusan Zaman*<sup>18</sup> dan diterjemahkan oleh Wu Ren<sup>19</sup>, usaha ini barangkali merupakan langkah yang terawal yang dibuat oleh mahasiswa Nantah di bidang penterjemahan sastera Melayu moden dalam tahun 50-an. Isi terjemahan itu lantas dikutip dan disiarkan dalam sebuah antologi cerpen bahasa Cina yang mengambil tajuk karangan Said itu sebagai nama bukunya. Antologi itu dinamakan Wu Xing De Yewan (1958) dalam bahasa Cina dan diterbitkan oleh Penerbit Yefeng, iaitu sebuah pertubuhan kebudayaan mahasiswa di kampus yang memainkan peranan cergas semasa suasana pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu hangat digelorakan. Selain daripada cerpen, antologi itu juga menyiarkan dua rangkap puisi baru Melayu gubahan Salmi Manja dan Atma Jiwa yang juga diterjemahkan oleh Wu Ren. Menurut catatan penterjemah, bahawa kedua-dua puisi itu dipetik dari *Utusan Zaman*.

Seterusnya sebilangan besar pantun, puisi, cerpen, makalah ataupun drama bahasa Melayu berturut-turut diterjemah serta disiarkan dalam majalah-majalah kelolaan mahasiswa atau keluaran penerbit-penerbit di luar kampus. Butir-butir lebih lanjut akan dibincang dan dicatat dalam fasal-fasal yang berasingan di bawah ini.



Di bawah usaha Penerbit Yefeng, novel Melayu telah pertama kali diperkenalkan kepada pembaca bukan Melayu melalui proses penterjemahan dalam jangka masa ini. Novel itu berjudul *Nyawa Di Hujung Pedang*<sup>20</sup>, karya Ahmad Murad Bin Nasaruddin. Meskipun penterjemahnya Tin Noh<sup>21</sup> bukan berasal dari Nantah, namun hasil terjemahannya diserahkan kepada penerbit yang berkenaan untuk diterbitkan.

3.3. Terbitan buku yang beranekaragam: Antara tahun 1959 hingga 1960, di bawah kelolaan Penerbit Yefeng juga, beberapa buah buku istimewa yang berkaitan dengan masalah Melayu telah diterbitkan. Terbitnya buku-buku serupa itu memang mempunyai fungsi dan makna besar, kerana sebelum itu, kecuali tulisan dalam bahasa Inggeris, masalah yang berkaitan dengan bahasa dan tatabahasa Melayu nampaknya jarang yang digubah dalam bahasa Cina, oleh itu terbitnya buku-buku seperti *Tatabahasa Melayu* (1959) dan *Ilmu Fonetik Bahasa Melayu* (1959) oleh Drs. Li Chuan Shou, memang membawa manfaat besar kepada pembaca-pembaca Cina yang sedang mendahagakan ilmu bahasa Melayu.

Di samping itu, beberapa tajuk lain juga dihasilkan dalam jangka masa yang sama, hasil tajuk itu dikenali sebagai *Pantun Melayu* (1958), selenggaraan Bai Jian<sup>22</sup>, *Bidalan Melayu* (1959), selenggaraan Lim Huan Boon, *Hendak Berbuat Jasa Kepada Tanah Air* (1959), terjemahan Yang Yi<sup>23</sup>.

Justeru itu, hasil usaha di atas ini jelaslah semuanya dikelolakan oleh pensyarah dan mahasiswa dalam kampus Nantah. Mulai tahun 60-an, perkembangannya telah diperluas serta disalurkan ke lingkungan di luar kampus, lalu sebahagian besar hasil selenggaraannya pun diserahkan kepada badan-badan penerbit swasta yang berdaftar di Singapura atau di Malaysia untuk diterbitkan. Terbitan-terbitan itu meliputi:

- Petunjuk-Petunjuk Surat-Menyurat Melayu* (1960), oleh Liauw Kian Djoe,
- Ceritera-Ceritera Tiongkok* (1960), terjemahan Drs. Li Chuan Shou,
- Ceritera-Ceritera Indonesia* (1960), terjemahan Drs. Li Chuan Shou
- Cerita Melayu Terpilih* (1960), terjemahan Yang Yi,
- Kursus Bahasa Melayu Bahagian Imbuan* (1960), susunan Lim Huan Boon,
- Kursus Bahasa Melayu Bahagian Tatabahasa* (1961), susunan Lim Huan Boon,
- Himpunan Sajak Melayu* (1961), terjemahan Liauw Kian Djoe,
- Pembalasan Orang Yang Kikir* (1961), terjemahan Yang Yi,
- Pengajaran Yang Berfaedah* (1961), terjemahan Yang Yi,
- Bahagia Sesudah Derita* (1961), terjemahan Tan Ta Sen,
- Sarah Pengarang Kecil* (1961), terjemahan Ma Liang,
- Cerita Sejarah Melayu* (1961), terjemahan Xiao Jian,
- Pantun Melayu* (1961), gubahan Loo Mun,
- Sajak-sajak Chairil Anwar* (1961), terjemahan Guyi,
- Dongeng Tanah Melayu* (1961), terjemahan Guyi,
- Sajak-sajak Barat* (1962), terjemahan Guyi,
- Cerita Pak Pandir* (1962), terjemahan Yang Yi,
- Cerita Pak Janggut* (1962), terjemahan Yan Kai,
- Puisi Lama Melayu* (1962), terjemahan Liauw Kian Djoe,
- Riwayat Ah Q* (1962), dikelola Yang Jun,
- Dasar Bahasa Melayu* (1962), susunan Lim Huan Boon,
- Asmara, Airmata, Irama - Himpunan Sajak Indonesia* (1962), terjemahan Guyi,
- Dongengan Sulawesi Selatan* (1962), terjemahan Guyi,
- Pelita Bahasa Kebangsaan untuk Peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah* (1962), oleh Loo Mun,

*Simpulan Bahasa Melayu for L.C.E., Q.T. dan F.M.C.* (1963), oleh Loo Mun,

*Surat Menyurat Melayu for Q.T. and F.M.C.* (1963), oleh Loo Mun,

*Peribahasa Melayu for L.C.E., Q.T. dan F.M.C.* (1963), oleh Loo Mun,

*Pelita Bahasa Kebangsaan untuk Peperiksaan Sijil Pelajaran P.T. Melayu* (1963), susunan Loo Mun,

*Pelita Bahasa Melayu bagi Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran* (1965), susunan Loo Mun

*Surat Kiriman Bahasa Kebangsaan bagi L.C.E., Q.T. dan F.M.C.* (1966), oleh Yun Hung,

*Kursus Karangan Bahasa I, II, III* (1966) susunan Loo Mun,

*Pantun Peribahasa Melayu* (1968), gubahan Loo Mun,

*Peribahasa Melayu for L.C.E. dan F.M.C.* (1972), oleh Loo Mun,

*Surat Menyurat Melayu for L.C.E.* (1972), oleh Loo Mun

Data-data terbitan di atas ini kebanyakannya dikelolakan dalam bentuk dwibahasa dengan maksud supaya mudah dimengertikan oleh pembaca-pembaca keturunan Cina yang banyak masih berada dalam proses pembelajaran permulaan di masa itu, sebahagian pula digubah atau disusun untuk digunakan sebagai bahan-bahan rujukan peperiksaan semasa.

3.4. Persembahan kamus Melayu-Cina: Sejarah kamus Cina-Melayu termaktub pada jangka masa di antara tahun 1403-1511 dengan terbitnya *Senarai Istilah Negeri Malaka* atau *Manlajia Guo Yiyu*<sup>24</sup> yang disusun dalam bahasa Cina. Lantas di antara abad ke-19 hingga ke-20, di masyarakat Cina terdapat sesiri terbitan kamus Cina-Melayu yang disusun dalam bentuk istimewa<sup>25</sup>. Akan tetapi antara naskhah-naskhah yang ditemui, kecuali *The Triglot Vocabulary* (1907), berkategori English-Malay-Chinese, tidak terdapat sebuah pun yang berkategori



Melayu-Cina. Oleh itu, terbitnya *Kamus Melayu-Tionghua* (1958) susunan Lim Huan Boon semasa masih belajar di Nantah dalam bentuk serba moden itu, boleh dianggap sebagai ciptaan lembaran baru dalam karya perkamusan Melayu-Cina, sehingga hasil susunan kamus Lim itu mendapat sambutan baik setelah diterbitkan. Lepas itu, banyak hasil susunan keturunan Cina yang serupa telah berlumba-lumba diperkenalkan dalam pasaran.

3.5. Keluaran majalah bahasa Melayu moden: Majalah-majalah kelolaan mahasiswa Nantah yang berkaitan dengan keghairahan pembelajaran bahasa Melayu dalam jangka masa ini terdiri daripada dua bentuk, yang satu diterbitkan dalam media bahasa Melayu, yang lain dikelola dalam bahasa Cina, tetapi isi siarannya mengandungi bahan-bahan terjemahan bahasa Melayu.

Di antara tahun 1958 hingga 1960, mahasiswa dan siswazah Nantah<sup>26</sup> berjaya mengelolakan dua buah majalah bahasa Melayu yang masing-masing dikenali sebagai *Mimbar Universiti* (1958) dan *Budaya* (1960). Di samping itu, Kesusasteraan Nanyang (1959) yang bermedia dwibahasa iaitu Inggeris dan Melayu, juga menyiarkan sebahagian tulisan Melayu dalam isi kandungannya.

Kononnya akhbar *Bintang Timor* yang diterbitkan dalam tahun 1894 itu merupakan sebuah akhbar Melayu yang tertua yang dikelola oleh keturunan Cina kelompok Cina Peranakan. Namun bagaimana bentuk isi kandungan terbitan itu, tidak sempat penulis soroti, kerana kekurangan bahan rujukan. Lantas di antara 1910-1934, kelompok Cina Peranakan pernah mengelolakan beberapa jenis majalah Melayu pula seperti *Malaysia Advocate* (1910), *Kabar Selahu* (1921), *Bintang Peranakan* (1930), *Sri Peranakan* (1932), *Story Teller* (1934) dan lain-lain, akan tetapi bahasa yang digunakan ialah bahasa Melayu Baba. Sementara

kedua-dua majalah kelolaan siswazah Nantah kebelakangan ini bahasanya kelihatan serba moden, apalagi dikeluarkan pada ketika kempen kemerdekaan negara sedang hangat digelorakan. Oleh itu, munculnya kedua-dua majalah itu menarik perhatian masyarakat Cina dan Melayu setempat, sehingga sebahagian isi kandungannya pun dipindah siarkan dalam akhbar dan majalah Melayu seperti *Utusan Melayu*, *Utusan Zaman* dan *Mastika*. Pertunjukan penginteraksian seumpama itu memang tidak pernah berlaku di antara sukubangsa Cina-Melayu dalam sejarah tanah air sebelumnya.

Mengenai majalah yang bermedia bahasa Cina di kampus Nantah, bentuk terbitannya memang banyak, hampir setiap jurusan atau persatuan akademik mempunyai terbitan tersendiri. Namun apa yang tertarik ialah sebahagian daripadanya mengambil sikap yang positif terhadap bahan-bahan terjemahan bahasa Melayu, sehingga pembaca-pembacanya sempat menikmati pelbagai karya Melayu melalui terbitan yang bukan bahasa Melayu. Majalah-majalah yang terlibat itu mencakupi: *Mimbar Universiti* versi bahasa Cina, *Pemuda Universiti*, *Pendidikan Nanyang*, *Majalah Tribulan Kajian Social Science* dan lain-lain. Pendek kata, walaupun majalah-majalah itu bukan bermedia bahasa Melayu, tetapi melalui pendirian yang tegas, semuanya boleh memainkan peranan yang cergas dalam usaha pertembungan kebudayaan berbilang bangsa.

3.6. Sumbangan terhadap kelas pengajaran bahasa Melayu orang dewasa: Berselaras dengan kempen politik di sekitar tahun 50-an, masyarakat Cina mengambil tindakan beramai-ramai untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai tanda sokongan dan usaha untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan bahasa yang seperlunya untuk menghadapi zaman kemerdekaan yang dijangka akan terlaksana tidak lama kemudian. Masa itu, pulau Singapura terdapat sebilangan besar pertubuhan masyarakat dan kelas pendidikan dewasa yang menyediakan pengajaran bahasa Melayu

kepada orang ramai. Akibatnya kelas-kelas itu sentiasa menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar, lebih-lebih guru yang menguasai dwibahasa. Maka sebahagian mahasiswa Nantah pun tampil memberi bantuan tanpa memikirkan tanggungan kuliah pembelajaran yang cukup berat bagi mereka di kampus, apatah lagi setiap kali mesti berulang-alik di atas perjalanan yang begitu jauh di antara kampus dan tempat pembelajaran yang tersebar di pelosok-pelosok yang berasingan di sekitar pulau Singapura, tetapi syukurlah semangat sumbangan itu memenangi sanjungan dan apresiasi tinggi dari masyarakat umum.

#### 4. Hasil Sastera dan Kajian Akademik Yang Tercapai

Melalui usaha dan pengajian yang unik dan teliti, akhirnya siswazah Nantah telah mencapai hasil yang cemerlang dalam bahasa Melayu. Antaranya jika ditinjau dari hasil kelayakan seperti ijazah atau gelaran akademik, terdapat ada yang mencapai gelaran tertinggi seperti kedokteran (Ph. D.), doktorandus (Drs) atau doktoranda (Dra). Sementara jika dilihat dari jawatan yang dipegang yang berhubung dengan bahasa Melayu, antaranya ada yang berjawatan seperti profesor madya, profesor pelawat, pensyarah di universiti dan institut, dan guru bahasa Melayu di sekolah menengah. Tambahan pula, jika ditilik dari hasil tulisan akademik, terdapat juga ada yang pernah menulis sejarah Melayu klasik, tatabahasa Melayu, kamus bahasa Melayu, sejarah kesusasteraan Mahua<sup>27</sup> dalam bahasa Melayu, susunan buku-buku teks bahasa Melayu untuk sekolah rendah dan menengah, dan hasil-hasil terjemahan timbal balik sastera Melayu dan Mahua.

Mereka yang tergolong dalam lingkungan hasil-hasil yang berlainan itu merangkumi:



4.01. Dr. Liaw Yock Fang: Mantan Prof. Madya di National University of Singapore (NUS). Hasil pencapaiannya mencakupi *Ikhtisar Kritik Sastera* (1970), *Sejarah Kesusasteraan Klasik Melayu* (1975) dalam versi Melayu dan Indonesia, *Undang-Undang Melaka* (1976), karya agung ini kononnya kini telah selesai dihalusi dan ditambah dengan *Undang-Undang Laut* menjadi edisi baru dan akan diterbitkan oleh Yayasan Karyawan Agung tidak lama lagi, *Nahu Melayu Moden* (1985), *Pelajaran Bahasa Melayu 1A-6B* (1982) untuk sekolah rendah, *Kursus Bahasa Nasional 1-4* (1984) untuk sekolah menengah. Di samping itu, beliau berhasil mengarang seseri buku bacaan bahasa Melayu dan Indonesia dalam ekabahasa atau dwibahasa, iaitu bahasa Melayu-Inggeris dan Indonesia-Inggeris atau sebaliknya. Beliau juga senantiasa menyumbangkan karya akademik di majalah-majalah bahasa Melayu seperti *Jurnal Dewan Bahasa*, *Dewan Sastera* ataupun *Pelita Bahasa* keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka.

4.02. Dr. Leo Suryadinata (Liauw Kian Djoe): Nama pena Guyi, Prof. Madya di Jurusan Politik NUS. Namun, di samping karier akademik, beliau aktif dalam penulisan kreatif bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Terkenal sebagai penyair bahasa Melayu, Indonesia dan bahasa Tionghua. Hasil pencapaiannya merangkumi *Ciri-Ciri Kesusasteraan Melayu Moden* (1961) dan *Kempen Kesusasteraan Indonesia Di Masa Kini* (1961), kedua-duanya diperkenalkan dalam bahasa Cina, *Jejak Kaki dan Lagu Hati* (1985), kumpulan sajak, *Dilema Minoriti Tionghoa* (1984), *Politik Tionghoa Peranakan Di Jawa 1917-1942* (1986), *Politik Luar Negeri Indonesia di Bawah Soeharto* (1998). Di bidang bahasa pula, terdapat *Comparative Dictionary of Malay-Indonesian Synonyms* (1991) disusun dalam bentuk dwibahasa. Sebelum ini, pernah juga menyusun sebuah *Kamus Sinonim dan Antonim Bahasa Malaysia, Indonesia, Tionghua* (1979), bekerjasama dengan Drs Tan Ta Sen. Mengenai hasil terjemahan dan kelolaan lain, sila rujuk kepada bahagian fasal 3.3.

4.03. Goh Then Chye: Nama pena Loo Mun, Mantan Prof. Madya dan pernah berjawatan sebagai Ketua Jabatan Pengajian Tionghua di UM. Beliau ialah seorang penyair yang terkenal di bidang penulisan bahasa Cina dan Melayu. Karya-karya beliau yang berkaitan dengan bahasa Melayu termasuk *Pantun Melayu* (1961), *Pantun Peribahasa Melayu* (1968), *Puisi Mahua Moden jilid I* (1975), *Puisi Baru Tionghok jilid I* (1975), *Oh Sungai Perak, Sungai Ibu!* (1980), terjemahan sajak Tai Ching Siew, *An Introduction to Malay Pantuns* (1980), *Imbauan Subuh* (1981), antologi puisi, *Pemberitahuan Subuh* (1981) terjemahan karya Ai Qing, *Ibuku Sang Bumi* (1981) terjemahan puisi Guo Moruo, *Puisi dan Lirik Tionghok Klasik* (1981), *Esei Sastera Dan Teori Puisi Penyair* (1992), sebuah monolog penulis. Semasa bertugas di UM, beliau aktif dalam kegiatan penginteraksian kebudayaan berbilang kaum. Pernah menerajui jawatan pengerusi Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (Perspektif), sebuah badan bahasa dan sastera yang berusaha mendukung idea perkembangan bahasa Melayu dan Cina.

4.04. Yang Quee Yee: Nama pena Yang Kui Yee, Yang Yi dan Titian Syah, Mantan pensyarah bahasa Melayu di Nantah. Prof. Pelawat bahasa Melayu di *Beijing University* dan *Beijing Foreign Studies University*. Penyusun kamus Melayu yang berkategori ekabahasa, dwibahasa dan nekabahasa. Hasil susunannya meliputi *Kamus Singkatan Bahasa Melayu* (1969), *Kamus Umum Bahasa Malaysia* (1972), *Kamus Sari ejaan bersama* (1973), *Kamus Sarian Melayu-Inggeris* (1975), *Kamus Dewasa* (1976), *Kamus Intisari* (1979), *Kamus Titian untuk Kanak-Kanak* (1983) dalam versi ekabahasa dan dwibahasa, *Kamus Istilah Baru Bahasa Malaysia* (1984), *Kamus Umum Bahasa Malaysia pindaan II* (2000), versi elektronik. Terkandung tiga buah edisi pindaan, semuanya ada 12 buah. Kesemua hasil susunan itu diusahakan bersama dengan isterinya Chan Meow Wah. Hasil penterjemahannya ialah *Hikayat Abdullah* (1998), *Hikayat Pelayaran Abdullah ke Kelantan* (2000) dan

hasil usaha lain sebelum ini boleh merujuk ke fasal 3.3.. Di samping itu, hasil tulisannya yang terbaru *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden* (2000) dalam bahasa Melayu telah diterbitkan dengan rasminya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka .

4.05. Lim Huan Boon: Nama pena Bai Jian, Wu Ren dan Yang Jun. Pernah berjawatan sebagai pembantu pensyarah di Nantah selepas tamat belajar dari univesiti yang sama. Mantan ahli Parlimen parti pembangkang Singapura. Selain daripada hasil-hasil pencapaiannya yang tercatat di fasal 3.3. dan lain-lain di atas, di antara tahun 60-an hingga 70-an, beliau pernah menyusun beberapa buah kamus bahasa Melayu, antaranya terdapat *Kamus Melayu-Tionghoa* (1958), *Kamus Bahasa Melayu Kecil* (1959), *Malay-English Dictionary* (1964).

4.06. Drs. Tan Ta Sen: Mantan penyarah bahasa Melayu di Nantah dan Maktab Ngee Ann di Singapura. Penyunting *Kamus Am Terbaru Bahasa Malaysia* (1977) yang disusun Chong Song Huat dan Ta Ah Leong. Penyusun *Kamus Sinonim dan Antonim Bahasa Malaysia* (1979), hasil kerjasama dengan Dr. Leo Surydinata.

4.07. Drs. Chong Yock Sin. Bekas pensyarah di UM. Penyunting *Kamus Melayu-Tionghua untuk Murid-Murid* (1975).

4.08. Dra. Hong Seyu Luan: Pernah berjawatan sebagai Kepala Jabatan Pengajian Melayu di Kolej Selatan Johor Bahru. Kini menjadi penyarah di institusi yang sama.

4.09. Xie Rui Huai. Nama pena Tang Yong: Pernah menterjemahkan sesiri karya sastera Melayu ke dalam bahasa Cina dalam tahun 60-an. Antaranya termasuk: *Mekar dan Segar* (Oxford University Press), *Musafir* (Hasan bin Muhammad Ali), *Ahad* (Zakaria bin Salleh), 12

*Cerita Pendek* (Harun Aminurashid), *Panglima Cindur Mata* (Sutan R. Masud), *Di Bawah Alunan Ombak* (A. Rashid bin Ngah), Nur dan Ros (Harun Aminurashid), *Dollah Kapak Terperangkap* (Baharuddin bin Marji) dll.

4.10. Chan Yong Sin: Penterjemah *Evolusi Aliran Pemikiran Kesusasteraan Mahua* (1978), karya Fang Xiu, *Gelombang Rejang* (1986), kumpulan sajak Wu An, dan hasil terjemahan karya Usman Awang seperti *Uda dan Dara* (1988) dan *Salam Benua* (1999)

4.11. Moo Kiow Chai: Penterjemah *Cerpen Pilihan Mahua* (1982) dan penulis *Panduan Dan Latihan Bahasa Malaysia* (1977).

4.12. Goh Choo Keng: Penterjemah 12 Cerpen Xinhua<sup>28</sup> (2000).

## 5. Penutup

Sekianlah keadaan ringkas mengenai pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang diperlihatkan oleh para pensyarah, mahasiswa dan siswazah dari sebuah universiti yang didirikan oleh masyarakat Cina. Daripada butir-butir hasil usaha yang saksama itu, jelas didapati bahawa usaha-usaha mereka itu termaktub seawal dari peringkat pembukaan rasmi kampus universiti tersebut. Akan tetapi institusi pendidikan tinggi yang terkenal dengan nama singkatan NANTAH dalam masyarakat Cina dan pernah menyerlahkan tugasnya yang secemerlang itu telah dihapuskan dalam tahun 80-an, lalu diganti dengan sebuah universiti serba baru yang dikenali sebagai UTN yang mengambil ketitikberatannya pada ilmu sains atas tapak bangunan yang sama. Walaupun demikian, imej Nantah dan hasil siswazah-siswazah dan sumbangannya terhadap bahasa Melayu nescaya akan kekal termaktub dalam ingatan masyarakat umum,



apatah lagi usaha kesinambungannya tidak pernah dilengahkan sampai hari ini!

Catatan: Tulisan ini ialah sebuah kertas kerja yang disediakan oleh penulis untuk dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Bahasa, Budaya dan Sastera Melayu, anjuran National Institute of Education, Nanyang Technological University, Singapura, yang diadakan pada 17-18 Julai 1998. Kerja tokok tambah telah dilakukan.

### Nota

1. Akronim bagi Universiti Nanyang dalam bahasa Mandarin menurut ejaan kebiasaan tempatan. Ejaan yang baku seharusnya berbunyi Nanda (Nanyang Daxue) menurut Hanyu Pinyin.
2. Persidangan itu diadakan pada tanggal 17-18 Julai 1998 di York Hotel, Singapura.
3. Universiti ini didirikan di atas tapak Nantah yang diambil alih oleh pihak yang berkenaan.
4. Sila rujuk *Berita Harian*, keluaran 27 April 1998.
5. Persatuan yang rasmi belum sempat ditubuhkan dalam masa yang singkat.
6. Mereka itu ialah Lim Huan Boon, Goh Choo Keng dan Yang Quee Yee.
7. Warga Indonesia, mantan Konsulat Indonesia di Persekutuan Tanah Melayu pada zaman Presiden Sukarno.
8. Mantan dosen (pensyarah) di Universitas Indonesia (UI) di Jakarta. Kini bermigrasi ke Australia.
9. Tamatan Nantah, melanjutkan pelearannya ke UI di Jakarta dalam tahun 1960-an.
10. Singkatan bagi Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan dalam bahasa Indonesia.
11. Maknanya "ketua fakultas" dalam bahasa Indonesia.
12. Sebuah badan bahasa yang terwujud di antara tahun 1960-1964 di Singapura.
13. Pada tarikh 16-21 September 1956.

14. Kali yang pertama diadakan pada tahun 1952, bertempat di Singapura, kali yang kedua pada 1954, di Seramban, Negeri Sembilan.
15. Pada tahun 1927, akhbar Cina *Xin Guomin Ribao* (Singapura) pernah menyiarkan beberapa rangkap terjemahan pantun Melayu. Selanjutnya pada tahun 1930, *Nanyang Siang Pao* (Singapura) juga pernah menggunakan sehalaman penuh terbitannya untuk menyiarkan isi terjemahan pantun Melayu.
16. Dalam jilid 116 dan 131 majalah tersebut, terdapat dua buah terjemahan cerpen, karya Rawan Hiba, masing-masing dikenali sebagai "Pagar Makan Padi" dan "Ikan Belut Makan Anak Sendiri".
17. Nama penulis dan judul karangan itu ditranskripsi dan diterjemahkan mengikut bunyi dan makna bahasa Cina, bukan yang asli.
18. Keluaran 11 Mac 1956 menurut catatan penterjemah.
19. Nama pena Lim Huan Boon
20. Novel ini mendapat hadiah pertama dalam peraduan Mengarang Cerita-Cerita yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1946. Cetak ulangnya telah dibuat pada tahun 1954.
21. Nama pena Chan Maw Woh, bekas editor kanan *Lianhe Zaobao* Singapura.
22. Nama pena Lim Huan Boon.
23. Nama pena Yang Quee Yee
24. Sila rujuk *Lembaran Sejarah Gemilang, Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*, oleh Liang Liji. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996, 99-111.
25. Siri kamus kategori ini disusun tanpa menggunakan huruf Melayu walaupun sepatah kata. Seluruh isi kandungannya dieja menurut bunyi dialek suku bangsa Cina dan ditulis dalam aksara Cina.
26. Tamatan Nantah kali yang pertama tampil pada awal tahun 1960.
27. Sebutan Mahua adalah sebuah akronim bahasa Tionghua yang terdiri daripada Ma(laiya) Hua(ren). Maksudnya Orang Tionghua di Malaysia.
28. Akronim bahasa Cina yang terdiri daripada Xin(jiapo) Hua(ren) yang bermakna orang Cina Singapura.